



KERAJAAN MALAYSIA

**PELANTIKAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SEBAGAI PENERUSI
LEMBAGA PENGARAH DALAM ANAK SYARIKAT**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

| | |
|------------------------------|---|
| 1. Tujuan..... | 1 |
| 2. Takrifan | 1 |
| 3. Peraturan Pelantikan..... | 1 |
| 4. Pemakaian | 2 |

BADAN BERKANUN & AHLI SEKTOR SWASTA

PELANTIKAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN SEBAGAI PENERUSI LEMBAGA PENGARAH DALAM ANAK SYARIKAT

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini disediakan untuk mengadakan peraturan mengenai pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dalam anak syarikat.

2. Takrifan

- 2.1 Dalam Pekeliling ini istilah Anak Syarikat, Badan Berkanun, Ketua Eksekutif dan Menteri mempunyai maksud seperti di bawah:
 - i. ANAK SYARIKAT ialah entiti korporat yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkaitan dan ekuitinya dimiliki sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Badan Berkanun berkenaan;
 - ii. BADAN BERKANUN ialah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta yang diluluskan di Parlimen;
 - iii. KETUA BADAN BERKANUN ialah seorang yang dilantik di bawah Akta berkaitan untuk mengetuai pengurusan Badan Berkanun tertentu; dan
 - iv. MENTERI ialah Menteri yang bertanggung jawab ke atas Badan Berkanun Persekutuan tertentu mengikut Akta yang berkaitan.

3. Peraturan Pelantikan

- 3.1 Selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran, Perbendaharaan dengan ini menetapkan supaya pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dalam anak syarikat hendaklah mendapat kelulusan Menteri yang bertanggung jawab. Kelulusan pelantikan berkenaan hendaklah disalinkan kepada Menteri Kewangan.

3.2 Bagi maksud perenggan 3.1 di atas:

- i. Permohonan pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Berkanun sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dalam anak syarikat hendaklah mendapat perakuan Lembaga Pengarah Badan Berkanun tersebut dan disokong oleh Ketua Setiausaha Kementerian berkaitan;
- ii. Permohonan tersebut di atas hendaklah dikemukakan bersama-sama kontrak pelantikan yang mengandungi syarat perkhidmatan termasuklah pakej saraan, petunjuk-petunjuk prestasi utama (*key performance indicators*) sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah anak syarikat dan kuasa Lembaga Pengarah Badan Berkanun tersebut secara *unilateral* untuk menyemak semula kontraknya pada bila-bila masa tertakluk kepada arahan atau nasihat oleh Menteri yang bertanggungjawab;
- iii. Pelantikan pertama hendaklah tidak melebihi tiga (3) tahun. Pelanjutan adalah dibenarkan tetapi jumlah tempoh perkhidmatan dihadkan sehingga enam (6) tahun; dan
- iv. Kelulusan oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah dalam anak syarikat dan kontrak pelantikan yang telah dimuktamadkan hendaklah disalinkan kepada Perbendaharaan dalam tempoh satu (1) bulan selepas pelantikan ke alamat seperti berikut:

Setiausaha
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun
Aras 4, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, Persiaran Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

4. Pemakaian

- 4.1 Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 berkenaan “Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan” menggariskan bahawa Menteri yang bertanggung jawab diberi kuasa dan tanggungjawab untuk meluluskan pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun serta Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif perbadanan dan anak syarikat.

- 4.2 Sehubungan itu, semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Badan Berkanun bertanggungjawab memastikan agar Lembaga Pengarah Badan Berkanun masing-masing untuk menerima pakai pekeling ini setelah penubuhan anak syarikat diluluskan oleh Menteri Kewangan menurut Akta yang berkaitan.